

SOALAN NO. 128

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
(KUALA SELANGOR)**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

**DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM (KUALA SELANGOR) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan apakah bantuan yang boleh disumbangkan kepada wanita yang**

bersalin tanpa suami sekiranya mereka merupakan golongan berpendapatan rendah dan adakah cuti bersalin akan dipanjangkan bagi meringankan bebanan golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap keperluan dan kebajikan golongan yang memerlukan tanpa mengira status mereka.

Bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan bantuan berdasarkan skim bantuan sedia ada kepada mereka yang layak. Sehubungan itu, mereka yang memerlukan bantuan boleh mendapatkan penjelasan lanjut dari pejabat JKM yang berdekatan bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh disalurkan oleh kerajaan di bawah skim bantuan sedia ada sekiranya berkelayakan.

Berdasarkan kepada maklumat daripada Kementerian Sumber Manusia, peruntukan faedah bersalin di bawah Bahagian IV Akta Kerja 1955

adalah meliputi semua pekerja wanita tanpa mengira had gaji/upah. Perlindungan faedah bersalin ini diberikan kepada semua pekerja wanita termasuk kepada pekerja wanita yang di luar skop Akta Kerja 1955 susulan pindaan kepada Akta ini yang mula dikuatkuasakan pada 1 April 2012. Selain itu, Akta ini juga tidak menetapkan bahawa seseorang pekerja wanita tersebut mesti berkahwin atau mempunyai suami semasa melahirkan anak.